



PPTCU)

Ruj.Kami : LPKP.SBH.300-2/1/2 ( )  
Tarikh : 5 Disember 2017

Pengerusi  
Gabungan Persatuan Pengangkutan Lori Sabah  
Lot 15 2nd Floor likas Light Industrial Centre  
Mile 5.5 Off Tuaran Road  
Kota kinabalu

Pengerusi  
Persatuan Lori Tawau  
d/a Syarikat Sri Jaya  
91000 Tawau

Tuan/Puan ,

## PELAKSANAAN DASAR BARU BERKAITAN DENGAN KENDERAAN BARANGAN DE-CONTROLLED OLEH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk menetapkan had baru Berat Dengan Muatan (BDM) daripada 5,000kg sedia ada kepada 7,500kg dan ke bawah bagi tujuan pengelasan kenderaan barangan De-Controlled serta pengecualian Lesen Pengendali / Permit daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak tuan/puan adalah dipohon untuk mengambil maklum akan keputusan terkini Kerajaan serta membuat pembatalan lesen di Cawangan LPKP terdekat bagi kenderaan barangan pada had BDM 7,500kg ke bawah sahaja. Permohonan lesen/permit bagi kelas kenderaan ini boleh terus dikemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang berhampiran dengan kawasan operasi.



4. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



( ARFIAN BIN JULIAN )

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah  
Jabatan Perdana Menteri

s.k. Ketua Cawangan  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah  
Cawangan Sandakan

Ketua Cawangan  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah  
Cawangan Tawau

Tuan-tuan dipohon  
untuk membuat  
notis pemakluman  
di kaunter  
perkhidmatan